



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**KASIH KPWK: Gempur Saringan HPV DNA
sempena Bulan Kesedaran Kanser Serviks Kebangsaan 2024**

**DESA TUNAS HIJAU, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
20 JANUARI 2024 (SABTU)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

SALAM SEJAHTERA

SALAM KEKELUARGAAN dan

SALAM MALAYSIA MADANI

SALUTASI

*(*akan diberikan selepas finalised)*

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur saya ke-hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini dalam majlis Sambutan Bulan Kesedaran Kanser Serviks 2024 Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Wilayah Persekutuan Labuan.
2. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pegawai-pegawai LPPKN dan Jabatan-Jabatan di Wilayah Persekutuan Labuan serta semua pihak yang terlibat di atas sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam memastikan kejayaan pelaksanaan sambutan ini.

3. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan mengenai Program MADANI Rakyat Labuan bagi memastikan penduduk Labuan turut menerima manfaat daripada semua perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Kerajaan termasuk daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
4. Maka pada hari ini, kami hadir melalui Program **Kembara KASIH KPWKM - Gempur Saringan HPV DNA sempena Bulan Kesedaran Kanser Serviks Kebangsaan 2024.**
5. Saya percaya program kerjasama yang berlangsung pada hari ini memberi makna dan manfaat yang besar kepada semua dalam meningkatkan tahap kesihatan khususnya golongan wanita. Syabas dan tahniah kepada semua yang hadir kerana bijak memilih untuk berada di sini bagi menambah ilmu berkaitan kesihatan dan kesejahteraan diri.

LATAR BELAKANG

Hadirin dan hadirat sekalian,

6. Untuk makluman semua, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah memperkenalkan Kempen Kesedaran Kanser Reproduktif Wanita dengan menggunakan akronim **WCaRe** bagi mempromosikan program saringan awal kanser yang merangkumi Program Saringan Kanser Serviks (Ujian HPV DNA) dan juga Program Subsidi Ujian Mamogram. **Di bawah kempen WCaRe ini, seramai 57,000 orang wanita disasarkan mendapat manfaat pada tahun 2024.**

7. Kita sedia maklum bahawa, Januari sebagai **Bulan Kesedaran Kanser Serviks** yang disambut di seluruh dunia. Sambutan ini bertujuan

membawa mesej kesedaran dan pengetahuan masyarakat terhadap penjagaan dan saringan kesihatan serviks (pangkal rahim) wanita di samping sebagai tanda sokongan masyarakat terhadap *survivor* kanser serviks. Justeru, KPWKM bersama-sama LPPKN seluruh negara telah mengatur pelbagai aktiviti bagi mengimarahkan kempen ini. Antaranya termasuklah saringan ujian HPV DNA percuma kepada wanita layak di semua Klinik Nur Sejahtera LPPKN, seminar, hebahan di media dan acara riadah ke arah kesihatan unggul.

8. Kementerian melalui LPPKN sememangnya memandang serius mengenai isu kesihatan serviks. Dengan kemajuan teknologi yang berkembang pesat, kebanyakan wanita yang dikesan menghidapi penyakit kanser serviks pada peringkat awal masih boleh dirawat dan diselamatkan. Pengesanan jangkitan HPV melalui ujian *Liquid Base Cytology* (LBC) serta Ujian HPV DNA adalah secara *Specific, Rapid* dan

Simple. Kaedah ini lebih mudah, lebih berkualiti dan lebih berkesan dalam membantu meningkatkan kadar pengesanan sel pra-kanser serviks. Klinik Nur Sejahtera LPPKN seluruh Malaysia turut menyediakan perkhidmatan saringan kanser serviks ini melalui ujian HPV DNA, di mana wanita boleh melakukan persampelan sendiri.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Insiden Kanser Reproduksi Di Malaysia

9. Kanser serviks merupakan kanser ketiga utama dalam kalangan wanita di Malaysia. Statistik Laporan Daftar Kanser Kebangsaan Malaysia, 2012 – 2016 melaporkan 1 nisbah 144 penduduk wanita di Malaysia berisiko mendapat kanser serviks. Sebanyak 3,981 kes baru kanser serviks dikesan bagi tempoh lima (5) tahun tersebut berbanding 4,325 kes bagi tempoh 2007 – 2011.

10. Jika dilihat kepada Statistik Laporan Daftar Kanser Kebangsaan Malaysia, 2007 – 2011 dan 2012 – 2016, kadar insiden kanser serviks ini telah menurun iaitu dari tujuh perpuluhan enam (7.6) kes kepada enam perpuluhan dua (6.2) kes bagi setiap 100,000 populasi wanita di Malaysia. Penurunan ini berkemungkinan disebabkan oleh kempen pengesanan awal melalui ujian *Pap Smear* yang disediakan oleh pihak Kerajaan di semua fasiliti kesihatan. Selain itu faktor penurunan kes kanser serviks ini juga mungkin berkait rapat dengan kesedaran menjalani saringan kanser ini berikutan penerimaan golongan wanita terhadap kaedah saringan yang lebih mudah dan efektif.

11. Faktor risiko berlakunya kanser serviks dikaitkan dengan faktor sosio-demografi seperti status sosioekonomi yang rendah, indikator aktiviti seksual seperti bilangan pasangan seksual dan usia pertama kali mengadakan hubungan seksual, sejarah penyakit kelamin terutamanya jangkitan *Human Papillomavirus* (HPV). Menurut World Health Organization (WHO), 95 peratus jangkitan HPV yang tidak dirawat boleh menyebabkan kanser serviks (WHO, November 2023).

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Komitmen Kementerian Menerusi LPPKN

12. Di Malaysia, kos ujian HPV DNA di hospital swasta adalah di antara RM300.00 hingga RM500.00 sekali ujian. Menyedari hakikat ini, pelbagai usaha telah diambil oleh Kerajaan dalam membantu wanita memerangi

gejala penyakit kanser serviks ini antaranya menerusi pelaksanaan Program Saringan Kanser Serviks (Ujian HPV DNA) yang dikendalikan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sejak tahun 2019. Program ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan untuk membantu wanita menjalani saringan kanser serviks melalui pendekatan pemberian ujian HPV DNA secara percuma dan selanjutnya meningkatkan kesedaran wanita mengenai kesihatan pangkal rahim dan kepentingan pengesanan awal kanser serviks.

13. Melalui Program Saringan Kanser Serviks (Ujian HPV DNA) yang bermula pada tahun 2019, seramai 112,524 orang wanita dicatatkan telah menjalani ujian HPV DNA sehingga tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, didapati 7,183 orang wanita telah disahkan positif HPV, manakala 61 orang daripada wanita tersebut disahkan pra kanser dan 12 orang wanita disahkan positif kanser serviks.

14. Bagi Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, seramai 13,392 orang wanita telah menjalani ujian HPV DNA sepanjang pelaksanaan program ini sejak tahun 2019. Daripada jumlah penerima tersebut, didapati seramai 1,158 orang wanita telah disahkan positif HPV, manakala 10 kes pra kanser dan 1 kes positif kanser serviks telah dilaporkan.

15. Manakala Wilayah Persekutuan Labuan sendiri, bagi tahun 2022 dan 2023 seramai 614 orang wanita telah menjalani ujian HPV DNA yang dilaksanakan oleh LPPKN. Daripada jumlah ini, seramai 45 orang wanita telah disahkan positif HPV. Angka yang menjalani ujian ini masih rendah iaitu hanya tiga (3) peratus sahaja berbanding jumlah penduduk wanita Labuan yang berumur 30-65 tahun seramai 21,600 orang. (Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia)

Hadirin yang saya hormati sekalian,

16. Bersempena dengan pelancaran kempen pada hari ini, seramai 500 orang wanita di Wilayah Persekutuan Labuan akan mendapat manfaat saringan kanser serviks melalui ujian HPV DNA secara percuma. Sambutan Bulan Kesedaran Kanser Serviks di Wilayah ini merupakan simbolik permulaan bagi Jelajah Saringan Kanser Serviks dan perancangan Eliminasi Kanser Serviks di Wilayah Persekutuan Labuan.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

17. Pengesanan kanser adalah tanggungjawab kita bersama. Saya sangat berharap agar kaum adam turut memainkan peranan aktif sebagai pendorong kepada isteri, ibu dan ahli keluarga wanita yang lain untuk tampil menjalani pemeriksaan. Segala kemudahan telah tersedia untuk

anda, gunakan peluang ini untuk mendapatkan perkhidmatan ujian HPV DNA dan ujian mamogram percuma. Ingatlah, pengesanan awal dapat menyelamatkan nyawa!. **Cepat Tahu Cepat Tindak.**

18. Sekiranya memerlukan penjelasan lanjut mengenai prosedur ujian HPV DNA dan ujian mamogram, boleh dapatkan khidmat nasihat daripada anggota di Klinik Nur Sejahtera, LPPKN yang hadir hari ini, mereka bersedia membantu anda.
19. Besarlah harapan saya supaya Sambutan Bulan Kesedaran Kanser Serviks pada hari ini dapat memberi manfaat kepada wanita sekalian. Di harap juga dengan maklumat yang diperolehi menerusi program ini dapat mendorong wanita untuk mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi pengesanan kanser pada peringkat awal.

20. Akhir kata, sekali lagi, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih selain agensi di bawah KPWKM sendiri, juga kepada Perbadanan WP Labuan, Jabatan Kesihatan WP Labuan, Jabatan Pendidikan, PDRM serta Jabatan Penerangan WP Labuan.

21. [PANTUN]

Kapal dagang mudiknya berhaluan,

Di tengah lautan tiada ditambat.

Ayuh semua wanita Labuan,

Lakukan saringan sebelum terlambat.

Wabillahitaufik Walhidayah Wasalamua'laikum W.B.T.

Sekian. Terima Kasih